

6,000 keluarga miskin dapat RM30j saham ASB Sejahtera

UM 26 SEP 2003

Oleh NAZERI NONG SAMAH

BANGI 25 Sept. — Sebanyak 6,000 keluarga termiskin di seluruh negara akan berpeluang menikmati pengagihan skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) Sejahtera menerusi peruntukan bernilai RM30 juta yang telah diluluskan oleh kerajaan bagi tahun ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid berkata, skim ASB Sejahtera disediakan sempena pelaksanaannya di bawah program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) kementerian itu tidak lama lagi.

Menurutnya, skim ASB Sejahtera yang diuruskan oleh dana Permodalan Nasional Berhad (PNB) itu adalah lanjutan daripada

skim ASB Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang diagihkan pada tahun 1999.

“ASB Sejahtera bernilai RM5,000 untuk setiap satu keluarga itu mempunyai kelebihan yang tersendiri kerana peserta akan mendapat lebih tinggi dividen tahunan dan tidak perlu membayar pinjaman jika dibandingkan dengan ASB PPRT dahulu,” katanya.

Keuntungan

Azmi memberitahu demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Pemantapan Imej Korporat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di Institut Kemajuan Desa (Infra) di sini hari ini.

Menurutnya, sistem dalam skim ASB

PPRT dahulu dengan nilai RM5,000 setiap satu memerlukan peserta membayar balik 50 peratus pinjaman dan 10 peratus caj pengurusan dan hanya dapat menikmati 40 peratus baki dividen tahunan.

“Berbanding dengan sistem dalam ASB Sejahtera sekarang akan memberi peluang kepada peserta menikmati lebih banyak keuntungan sehingga mencapai 90 peratus dividen,” jelasnya.

Menurutnya, perubahan dari segi sistem pengagihan saham skim ASB Sejahtera itu yang bertukar kekal sebagai modal kerajaan pula dibuat bagi membolehkan golongan pesertanya mendapat lebih banyak wang dividen.

■ Lihat muka 4

6,000 keluarga miskin dapat RM30j saham ASB Sejahtera

“Ini berbeza dengan cara ASB PPRT dahulu yang menetapkan peserta hanya layak memiliki modal RM5,000 itu selepas 20 tahun sebagai peminjam modal,” katanya.

Jelas beliau, kerajaan sentiasa bertindak serius bagi mengurangkan kadar kemiskinan penduduk di bandar dan luar bandar menerusi pelbagai langkah yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Azmi berkata, secara keseluruhan golongan rakyat termiskin dalam negara seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini telah berkurangan kepada 7.5 peratus dalam tahun 1999 dengan penurunan 5.1 peratus pada tahun 2002.

Menurutnya, kesan daripada kejayaan mengurangkan kadar kemiskinan itu juga menyaksikan peruntukan kepada program pembangunan yang membabitkan PPRT juga telah menurun kepada RM160 juta pada tahun 2004, berbanding RM250 juta pada 2003.